

PERTANDINGAN DARTS

1.0 Syarat Pertandingan

- 1.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua murid warganegara Malaysia di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan sahaja.
- 1.2 Pertandingan ini terbahagi kepada satu (1) kategori:
 - 1.2.1 Sekolah menengah (Murid tingkatan 1 hingga 5)
- 1.3 Penyertaan adalah **secara berkumpulan (4 orang murid) dan seorang (1) guru pembimbing**.
- 1.4 Pertukaran peserta selepas pendaftaran tidak dibenarkan.
- 1.5 Peserta perlu mendapatkan persetujuan dan keizinan dari ibu bapa/ penjaga bagi menyertai pertandingan ini.
- 1.6 Kejohanan ini mempertandingkan **satu (1)** acara iaitu acara Foursome (4 sepasukan).
- 1.7 Bagi pusingan awal, setiap peserta akan bermain di peringkat kumpulan.
- 1.8 Bagi format peringkat kumpulan, setiap peserta perlu bermain secara satu (1) set/leg.
- 1.9 Pemenang akan ditentukan berdasarkan kiraan mata tertinggi dalam set/leg.
- 1.10 Kumpulan yang memenangi peringkat kumpulan akan layak ke peringkat seterusnya.

2.0 Kaedah Pelaksanaan

- 2.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 2.2 Semua pertandingan hendaklah mengikut undang- undang dan peraturan yang disediakan oleh Pihak Penganjur.
- 2.3 Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan- peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran.
- 2.4 Kecuali apa yang disebut dalam peraturan yang menguasai dalam peraturan ini maka undang-undang dan peraturan penganjur adalah diikuti.
- 2.5 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah merujuk kepada pihak penganjur

3.0 Kaedah / Rubrik Penilaian

- 3.1 Hanya “dart” yang melekat di “dartboard” diambilkira sebagai “score” setelah ketiga-tiga “dart” dibaling.
- 3.2 Pemain **TIDAK DIBENARKAN** mencabut “dart” nya dari “dartboard” sehingga ia bersetuju dengan “score” yang diperolehi atau sebelum “Caller/chalker” membuat kiraan.
- 3.3 Mana-mana salah kira yang dibuat oleh “caller/chalker” mengenai jumlah mata, pemain hendaklah memberitahu “caller/chalker” kesalahan berkenaan dan diperbetulkan sebelum pemain tersebut meneruskan balingannya. Sekiranya tidak ada sebarang bantahan yang dibuat oleh mana-mana pihak, maka kesilapan itu akan ditetapkan sah dan sebarang perubahan atau “score” tersebut tidak akan dilayan
- 3.4 Bagi permainan di peringkat suku akhir dan seterusnya, Jawatankuasa Kecil Teknikal Pertandingan boleh menamatkan sesuatu perlawanan jika sekiranya mana-mana satu pasukan telah mencapai mata kemenangan.

